

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 30 RABU 23 JULAI, 1969 1389 رابو 8 حمادي الاول PERCHUMA

D.Y.M.M. BERCHEMARDULI KA-DAERAH TEMBURONG

BANGAR, TEMBURONG. — Daerah Temburong telah mengadakan kemunchak hari perayaan-nya kerana memperingati Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun yang berlangsung di-Pekan Bangar pada hari Isnin lepas.

Pada pagi hari tersebut, satu perbarisan yang terbesar telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hassan yang di-penuhi dengan beribu2 orang penuntun yang terdiri dari penduduk2 di-sekitar daerah tersebut termasuk penduduk2 dari kampung2 pendalaman.

Peserta2 yang mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah ahli2 "C" Kompeni Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pencharagam Askar Melayu Di-Raja yang mengambil peranan penting dalam upacara perbarisan tersebut.

Lain2 pasokan yang mengambil bahagian ia-lah pasokan Meriam Pulis Di-Raja Brunei, murid2 sekolah dan belia2 di-daerah itu.


Kerana menunaikan hasrat penduduk2 di-daerah itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berchemarduli ka-daerah itu dengan menaiki helikopter AMDB dari Bandar Brunei dan Baginda berangkat tiba tepat pada pukul 9.30 pagi.

Ketibaan Baginda dan rombongan telah di-alu2kan oleh Pegawai Daerah Temburong. Awang Johari bin Abdul Razak yang kemudian-nya menjunjung Baginda untuk berangkat ka-Pentas Khas yang dibena di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hasan untuk menerima dan memeriksa perbarisan kehormatan tersebut.

Sa-jurus sa-telah Baginda berchemarduli ka-atas pentas khas itu Baginda telah di-sambut dengan tabek hormat Di-Raja dan kemudian-nya Baginda di-junjung oleh Ketua Perbarisan, Kapitan Abdul Karim bin Mohammad untuk memeriksa perbarisan tersebut.

Sa-baik2 saja Baginda di-iringkan balek ka-atas pentas, maka pasokan perbarisan Askar Melayu Di-Raja dan pencharagam-nya telah berjalan lalu memberi penghormatan kepada Baginda.

(Lihat Muka 10)



D.Y.M.M. sedang memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari ahli2 "C" kompeni pasokan A.M.D.B. di-upacara barisan kehormatan di-Daerah Temburong.

M. B. seru raayat supaya bangun menentang anasir2 kontra ketenteraman

TUTONG. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof menyeru seluroh raayat negeri ini supaya menumpukan usaha yang lebih aktif ka-araf pembangunan negara dan mempertahankan keamanan yang di-nikmati sa-lama ini.

Usaha itu, seru beliau, biarlah di-laksanakan dengan chara yang sungguh2 dengan churahan jiwa raga sesuai dengan sumpah kita bahawa tidak ada bumi lain tempat kita bertapak sa-lain dari bumi Brunei Darussalam ini.

Seruan itu di-buat beliau dalam ucapan sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan perayaan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Tutong pada malam hari Sabtu lepas.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan bahawa anasir2 yang tidak suka melihat pembangunan, kesenangan dan keharmonian

serta ketenteraman sedang menjalankan kegiatan2 mereka terutama di-kawasan dunia sa-belah sini.

Anasir2 ini, tegas beliau, ada-lah rela mengorbankan segala2-nya asalkan chita2 mereka yang jahat dan khianat itu dapat di-chapai.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar berdoa semoga Allah akan memberi kita segala tenaga dan petunjuk untuk menentang anasir2 kontra harmoni — kontra ketenteraman dan membasmi-nya habis2an dari bumi Brunei yang sama2 kita pusakai ini.

Beliau berseru: "mari-lah beramai2 kita mempertahankan kerian dan kegembiraan yang ada pada ketika ini dan kita sudah muak dengan kesah2 kekacauan yang tenggelam timbul di-sekeliling kita."

"Ada-lah menjadi kewajipan sa-tiap raayat Duli Yang Maha Mulia yang taat setia kepada Baginda dan Negeri Brunei Darussalam ini mengawasi dan mengamati2 akan

gerak langkah sa-tiap gulungan atau orang2 yang serupa itu dengan jalan memberikan kerjasama kepada Kerajaan," tegas beliau.

Beliau menyeru seluroh raayat supaya memberikan kerjasama yang di-perlukan itu dengan sa-penoh2-nya terutama dalam usaha Kerajaan untuk membawa kebaikan dengan menggunakan segala kemudahan2 dan bergiat dalam lapangan2 menurut tata tertib dan garis2 yang sudah di-tentukan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengingatkan bahawa teriakan2 ketaatan dan kesetiaan yang telah kita sembahkan sa-lama ini kepada Duli Yang Maha Mulia biarlah kita kotakan

"Di-dasar konkret sumpah taat setia kita, kita tegakkan panji2 Brunei Darussalam di-urat sarap — di-nadi dan di-semangat yang chintakan Sultan — kita pertahankan Brunei Darussalam ini," demikian seru beliau

(Lihat Muka 10)



Dalam satu istiadat mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 di-Lapau, Bandar Brunei pada 15 Julai lepas, Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan Bintang D.P.M.B. kepada Awang Matnoor Mac-Afee, Penyelia Pilehan Raya (gambar atas) Gambar kanan kelihatan Baginda sedang mengurniakan surat lantikan bagi menaikkan pangkat kepada Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa menjadi Yang Di-Mutiakan Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja.

D.Y.M.M. saksikan perarakan tanglong

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berchemar Duli menyaksikan perarakan kereta, basikal berhias dan perarakan tanglong berjalan kaki pada malam Khamis lepas.

Perarakan tersebut ada-lah sa-bahagian daripada acara sambutan hari keputeraan bagi Daerah Brunei-Muara.

Duli Yang Maha Mulia telah menyaksikan perarakan tersebut dari atas sa-buah pentas yang di-bena khas di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Turut menyaksikan perarakan tersebut termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ketua Surohanjaya Tinggi British, Awang E.W. Bird, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Dalam perarakan tersebut sa-banyak 14 buah kereta dan basikal berhias telah mengambil bahagian.

Dalam perarakan tanglong pula, sa-banyak 57 buah pasokan yang terdiri dari lebih dari 3,000 orang yang mewakili persatuan2 belia, sekolah2, maktab2, Jabatan2 Kerajaan dan Kampong2 telah mengambil bahagian.

Perarakan yang di-dahului

oleh pasokan pancharagam Pulis Di-Raja itu telah bermula dari padang Sekolah Melayu SMJA.

Orang Tiong Hwa di-Bandar Brunei juga telah menyumbangkan tarian Singa dan Naga dalam perarakan tersebut.

Beribu2 orang telah menyaksikan di-sepanjang jalan yang di-lalui oleh perarakan itu.

Sementara itu, pada sa-belah tengah hari itu, sa-banyak 15 buah kereta dan basikal berhias telah mengambil bahagian dalam perarakan Kereta dan Basikal Berhias.

Perarakan tersebut telah bermula dari Istana Darul Hana dan berakhir di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Pasokan pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mendahului perarakan tersebut.



Berikut ini ia-lah keputusan2 perarakan kereta dan basikal berhias siang dan malam dan perarakan tanglong berjalan kaki yang telah di-adakan pada 16 Julai lepas.

BASIKAL BERTIAS (SIANG):
1. Ak. Rosley bin Pg. Metussin;
2. A. Mustapha bin Haji Mohammad;
3. Persatuan Angkatan Kampong Setia (AKSE).
(Lihat Muka 9)

16 ORANG DI-KURNIAKAN PINGAT INDAH KERJA BAIK

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan bagi pengurniaan Pingat Indah Kerja Baik kepada 16 orang kakitangan Kerajaan.

Pingat Indah Kerja Baik tersebut ia-lah sa-buah pingat yang baru bagi menghargai jasa2 baik dalam perkhidmatan2 yang telah di-churahkan oleh kakitangan2 Kerajaan di-sepanjang masa mereka berkhidmat.

16 orang kakitangan Kerajaan yang akan mendapat penganugerahan itu telah pun di-umumkan oleh Yang Amat

Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja, Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh dalam Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Uchapan2 Keshukoran di-Lapau, Bandar Brunei sempena menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 15 Julai, 1969 lepas.

Mereka yang akan menerima penganugerahan pingat2 tersebut ia-lah seperti berikut:

Awang Haji Suhaimi bin Haji Ismail; Awang Tuah bin Kapal; Awang Johari bin Ismail; Yang Mulia Pengiran Ahmad bin Pengiran Mat Salleh; Awang Abdul Latif bin Sulaiman.

Awang Haji Ibrahim bin Pehin O.K. Di-Gadong Ahmad; Awang Cheong Keong Thong; Awang Mintek bin Munggu; Awang Haji Sepawi bin Metassim; Awang Joseph Liew Fook Choy; Awang Wong Ah Fatt; Awang Ramli bin Jamaluddin; Awang Asbi bin Khatib Abdullah; Awang Serudin bin Durman; Dayang Nellie Patiwal dan Awang Md. Sum bin Hashim.

Pertunjokkan bunga2an

BANDAR BRUNEI. — Satu pertunjokkan bunga telah di-adakan di-tanah lapang berdekatan dengan Dewan Kemasharakatan di-Bandar Brunei sa-lama tiga hari mulai 18 Julai lepas.

Pertunjokkan itu ada-lah sa-bahagian dari ranchangan untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23.

Pertunjokkan itu telah di-bahagikan kepada dua bahagian, orkit dan bunga biasa.

24 orang sertai peraduan memilih bakat

KUALA BELAIT. — Sa-ra-mai 24 orang peserta termasuk 10 orang perempuan akan mengambil bahagian dalam peraduan memilih bakat atau Talentime yang akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin pada 26 Julai mulai 8.30 malam.

Peraduan tersebut ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Belait.

Pemenang2 pertama, kedua dan ketiga akan di-hadiahkan piala.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Dayang Naemah binte Razali, isteri Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Ja'afar.

TITAH D. Y. M. M. KAPADA SELUROH RAAYAT DI-DAERAH TUTONG

SEMPENA MENYAMBUH HARI KEPUTERAAN
BAGINDA YANG KE-23 TAHUN YANG
DI-RA'IKAN DI-DAERAH TUTONG
PADA 19 JULAI, 1969.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika membalas tabek kehormatan di-Daerah Tutong. Di-belakang Baginda kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

BETA mengucapkan shukor ka-hadrat Allah Subahanahu Wata'ala yang telah mencurahkan rahmat-nya yang tidak terhingga kepada kita semua dan dengan izin-Nya membolehkan Beta ber-kunjong ka-daerah ini untuk menghadiri majlis yang indah permai ini.

Beta mengucap selawat kepada junjongan kita Muhammad s.a.w. kerana dengan nasihat-nya yang berpandukan wahyu ia-itu Koran dan hadith-Nya yang menggalakan kita hidup bertata tertib utama sekali menyuburkan akal fikir-an pada mengamalkan sentiasa menghulurkan buah pendapat laila nasihat ingat memperingatkan mengemukakan pertanyaan yang munasabah dan tegoran yang membena juga rajin berusaha ka-arah kebajikan pada menyempurnakan tanggung jawab laila tugas kewajipan sa-bagai atau pada melaksanakan laila ikhtiar ka-arah nama baik dan akan menda-tangkan kebahagiaan ka-pada negeri kita Brunei Darussalam yang punchanya beradat (adat mengandong adat) juga pa-

toh kapada undang2 dan peratoran negeri, dengan jalan itu-lah hanya insha Allah akan menjiwakan atau menghidupkan keamanan dan ketenteraman dalam rukun damai.

Beta sunggoh2 gembira kerana hadir di-majlis di-daerah ini menemui raayat Beta yang di-kasehi dalam meraikan majlis ulang tahun Beta yang ke-23. Di-sepanjang majlis ini atau istiadat2 ada-lah jelas bahawa hari puja usia Beta di-raikan dengan meriah-nya, dan kerana sambutan yang baik dari penduduk daerah ini yang beta kasehi sekali. Dari hati yang tulus ikhlas lagi suci beta mengucapkan setinggi2 terima kaseh kepada ahli2 jawatankuasa sambutan perayaan khas bagi seluruh raayat beta yang di-kasehi di-daerah Tutong kerana menjemput beta hadir pada menyaksikan majlis yang bersejarah ini.

KEBULATAN TEKAD

Beta perchaya dengan persembahan yang terbit dari tenaga laila persafahaman dan laila kebulatan tekad serta kejujuran hati raayat Beta di-daerah ini akan tetap menjadi ingatan yang indah dan akan terus menjadi pada menggalakan Beta untuk berkhidmat dan mencurahkan tenaga sa-penoh-nya insha Allah bagi kepentingan negara dan raayat Beta yang di-chintai.

Beta telah di-beri tahu mengenai kemajuan di-daerah ini dan jelas-lah membuktikan

bahawa raayat beta telah laila menggunakan kemudahan2 yang telah di-sediakan oleh kerajaan Beta dan sedang berusaha dengan giat-nya baik di-sawah, di-ladang mahu pun di-alam perniagaan bagi kepentingan, kemakmoran dan keharmonian negara kita Brunei Darussalam. Insha Allah semangat seperti ini akan sentiasa di-berkati oleh Allah Subahanahu Wata'ala dengan faedah yang akan membawa kebahagiaan dan kemakmoran pada negeri kita dan kita semua.

NEGARA MAKMOR

Dengan laila semangat pada mengutamakan kebajikan dan tekad seperti ini yang sentiasa di-pupok dan di-bajai pula Insha Allah negeri Brunei Darussalam yang kita pusakai turun temurun ini akan tetap menjadi sa-buah negara yang maju, makmor dan bahagia dan terselamat dari merbahaya dan bala benchana sa-bagaimana Beta telah berkali2 menyatakan yang asas atau landasan-nya pada menggaulkan ikhtiar laila usaha bagi mempertahankan keselamatan negeri Brunei Darussalam.

Di-majlis ini beta ingin berseru kepada raayat Beta di-daerah ini supaya menjauhkan diri dari anasir2 yang jahat yang akan menjahanamkan negara dan menghancurkan perpaduan raayat ka-arah kebajikan. Ada-lah mustahak di-ingati bahawa ada pehak2 yang chuba dengan sengkaja bergiat kontra kapada prinsip2 hidup kita yang sudah kita amalkan selama ini.

Da'ayah2 jahat dan merbahaya ini hendak-nya di-singkirkan dan di-kikis habis2an dari bumi kita ini supaya negeri kita Brunei Darussalam ini subur pada melambangkan, menyerikan dan memancarkan laila nama baik dan mutu negeri Brunei yang aman, tenteram laila sejahtera.

USAHA SUNGGOH2

Raayat beta yang bertanggung jawab yang sering menyebarkan taat setia-nya yang tidak memilih setitik pun hendak-nya berusaha sa-keras2-nya untuk mempertahankan istilah kata orang2 tua ia-itu: Satu — aman ia-lah rajin, menghasilkan kemakmoran. Kedua — Tenteram ia-lah patoh pada undang2 dan peratoran yang akan mendatangkan laila bahagia. Ketiga — keselamatan ia-lah anutan laila galakan pada melailakan rasa persafahaman dan semangat laila perpaduan yang benar chintakan kesentosaan negeri. Hakikat ini mesti-lah atau hendak-nya-lah laila pasti di-jadikan amalan sentiasa.

Untuk mengakhiri ucapan beta ini sekali lagi beta mengucapkan terima kaseh pada raayat beta yang di-kasehi sekali di-atas sambutan yang sangat2 menarek hati dan meriah ini, mudahan Allah Subahanahu Wata'ala akan terus memberkati Awang2 dan Dayang2 sekalian dalam usaha membangun negara dan mengekalkan keamanan dan kesentosan tenteram berbahagia.

Sekian terima kaseh.

TITAH D. Y. M. M. KAPADA SELUROH RAAYAT DI-DAERAH TEMBURONG

SEMPENA MENYAMBUT HARI KEPUTERAAN
BAGINDA YANG KE-23 TAHUN YANG
DI-RA'IKAN DI-DAERAH TEMBURONG

PADA 21 JULAI, 1969.



Wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika berchemarduli ka-Daerah Temburong.

SEGALA pujian bagi

Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadikan sekalian alam ini dan kapada-Nya beta bersyukur kerana rahmat dan petunjuk-Nya yang tidak terhingga yang telah di-churah dan di-limpahkan kapada kita semua setiap masa. Selanjut-nya selawat dan salam beta tujukan kapada Junjungan dan Pemimpin Agong kita Saidina Muhammad sallallah - hu Alaihi Wassalam Nabi akhirdzaman yang membawa wahya (Firman Allah Subhanahu Wata'ala) yang tetap tetapi sesuai dengan laila aliran masa. Serta hadith2-Nya yang menjadi panduan agong kapada kita sekalian. Selawat dan salam ini juga beta tujukan kapada kerabat dan sahabat2 baginda. Beta berdo'a mudahan hasrat laila dari hati kita untuk mengusahakan perkembangan akan menghasilkan dan laila menjelmakan sa-bagai sa-buah negeri yang bentok-nya laila moden dalam aman makmor, tenteram berbahagia dan sejahtera.

Alhamdulillah dengan hati yang ikhlas, beta mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh

kapada raayat beta yang di-kasehi kerana menjemput beta berkunjong ka-daerah ini dan menemui, berpandang wajah beramah tamah ya'ani sembah puja usia beta yang kedua puluh tiga dan juga menjemput beta untuk memberikan sapatah dua kata, kapada raayat penduduk di-daerah ini. Beta faham segala perayaan yang di-adakan di-Daerah ini khas untuk memperingati hari ulang tahun keputeraan beta ada-lah membuktikan akan kaseh sayang raayat beta kapada beta dan pada hakikat ini sesungguhnya memembirakan beta. Beta yakin, sambutan2 yang meriah ini, perayaan2 yang di-adakan ada-lah sa-imbang dengan perayaan yang telah di-adakan oleh Daerah2 dari segi laila hakikat. Majlis sambutan bagi meraikan puja ulang tahun keputeraan beta di-daerah ini akan mengukuhkan beta berusaha bagi mempertahankan keselamatan negeri Brunei Darussalam sa-bagai Sultan yang memerintah negeri kita Brunei yang kecil molek, alhamdulillah termewah dari negeri2 dan negara2 dalam lingkungan Commonwealth juga pada memimpin raayat beta sekalian supaya menyangkan Awang2 dan Dayang2 bersungguh2 berikhtiar atau berusaha mencari rahmat Tohan dalam keadaan aman makmor, dalam suasana tenteram lambang kebahagiaan.

Apa yang setahu beta, Daerah Temburong ini juga mempunyai ranchangan2 kemajuan malah yang lebih pesat dan yang lebih di-titeksberatkan

kan bagi kemajuan ketenteraman negara sa-chara keseluruhan-nya. Beberapa kemudahan2 telah pun di-sediakan bagi faedah kehidupan raayat beta di-daerah ini.

Raayat beta yang di-kasehi sekalian, hendak-lah menggunakan segala kemudahan2 ini. Untuk melancarkan perjalanan dan pentadbiran dari segi laila ranchangan2 kemajuan kerajaan beta, pegawai2 yang terlatih dan berpengalaman telah di-datangkan untuk berkhidmat dan memberikan perkhidmatan kapada raayat beta yang di-kasehi. Kapada penduduk2 daerah ini beta berseru di-hari yang baik ini supaya memberikan kerjasama kapada pegawai2 Kerajaan beta dalam melaksanakan tugas2 mereka dan memberikan khidmat2-nya.

Di-samping itu beta ingin memberikan nasehat kapada pegawai2 Kerajaan daerah ini supaya memberikan segala perkhidmatan, segala kejujuran kapada penduduk2 daerah ini. Pimpin-lah mereka dan berikan-lah segala panduan kapada mereka semata-mata faedah dan kemunafatan-nya pada melambangkan keamanan, ketenteraman laila subur bagi menyirikan sifat kesentosaan daerah ini.

Awang2 dan Dayang2 sekalian. Sifat persafahaman ka-arah kebajikan baik di-antara pegawai2 kerajaan dan raayat di-daerah ini, insya Allah beta yakin bukan saja raayat laila memberikan laila sambutan kapada pegawai2 Kerajaan beta pada melak-

sanakan laila usaha kebajikan bahkan juga pegawai2 Kerajaan beta akan memberikan galakan laila memimpin raayat bersungguh berusaha ka-arah kebajikan untuk memunchalkan daerah ini dan memberikan sumbangan besar terhadap laila kemajuan negeri Brunei Darussalam.

Dengan ikhlas beta ingin berseru kapada raayat beta yang di-kasehi di-daerah ini supaya menjauhkan diri dari anasir2 yang jahat yang berchita2 untuk menghancurkan ketenteraman negara dan berchita2 untuk membawa purak-peranda ka-negara selaku raayat yang bertanggung jawab, sa-bagai raayat yang benar2 chintakan keselamatan, keamanan, ketenteraman, mengharumkan nama baik Brunei yang aman, bahagia dan sejahtera serta selaku raayat yang taat kapada beta dan kerajaan. Beta minta supaya raayat beta akan bekerjasama dengan Kerajaan beta untuk mengikis habis2an pengkhianat negeri Brunei bagi kepentingan pada memerchukan keturunan yang mulia dan panchir keturunan kita yang baik.

Sa-belum beta akhiri ucapan ini, sekali lagi beta mengucapkan terima kaseh kapada raayat beta di-daerah ini kerana sambutan2 yang meriah lagi mesera yang di-berikan kapada beta. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melindungi kita dan memberkati dengan keamanan, ketenteraman, kemakmoran dan kebahagiaan.

SA-bagaimana di-keta-hui dan di-maalumi kemajuan yang semata2 berdasarkan kebendaan boleh jadi kapada menyimpangkan kita dari-pada ajaran2 Ugama kita yang sa-benar-nya, ia-itu hidup mulia di-du-nia dan berchita2 untuk berbahagia di-akhirat ke-lak.

Untuk kita sentiasa terpelihara daripada mengerjakan perkara2 keji yang melanggar perintah Allah dan peratoran Ugama, di-antara lain ia-lah mengerjakan sembahyang adalah mengandongi dari perbuatan dan bacha2an yang berupa do'a pujian kapada Allah yang Isa', yang membawa kapada taqar-rub (menghampirkan diri) kapada Allah.

Oleh sebab itu-lah manusia yang mengerjakan sembahyang dengan arti sa-sungguh-nya, mereka terpelihara daripada perbuatan yang salah, kerana mereka sentiasa ingat kapada Tohan (Allah) dan ingat kapada Tohan ada-lah satu perkara yang amat penting bagi menjadikan diri supaya tetap dalam kesuchian. Perkara ini dapat kita perhatikan dalam maksud ayat Al-Koran dalam surat Al-Ankabut ayat 45.

Dalam mengerjakan ibadat sembahyang atau ibadat2 lain ada-lah sama jika di-bandingkan dengan mengerjakan kewajipan kita terhadap masharakat yang mesti kita buat dengan peratoran dan sharat2 yang tertentu. Jika perkara itu hendakkan sempurna dan diterima oleh masharakat, bukan-lah tiap2 pekerjaan itu di-buat hanya melepaskan tanggungan sahaja dan tidak peduli sama ada betul salah terima atau sa-balek-nya seperti bidalan Melayu: "Melepaskan batok di-tangga."

Orang yang berkelakuan atau berperangai saperti ini ada-lah akibat-nya sangat buruk ka-atas diri-nya sendiri. Jika perkara itu mithal-nya dari masharakat untuk masharakat, maka masharakat-nya akan tidak berpuas hati. Atau dari majikan-nya, maka majikan akan mengambil perhatian yang kurang, apa lagi kalau perkara itu ibadat dan kewajipan terhadap Allah ada-lah di-baratkan hutang yang belum di-bayar, dan bukan akan memelihara daripada kejahatan tetapi sa-balek-nya menjauhkan daripada ilham dan rahmat Allah.

Oleh itu hendak-lah kita berhati2 dan bersungguh2 dalam

Kemajuan berdasarkan kebendaan boleh menyimpangkan kita drp. ajaran2 Ugama

KHUTBAH JUMA'AT

Beribadat ada-lah sama dengan mengerjakan kewajipan kita terhadap masharakat yang mesti kita buat dengan peratoran dan sharat2 yang tertentu

membuat satu2 perkara dengan ilmu dan peratoran yang betul, supaya pekerjaan kita itu tidak sia2 dan jauh daripada mendapat hasil yang di-harapkan.

Pada hari ini Kerajaan memberi peluang kapada tiap2 rayat dan penduduk dengan mengadakan kelas dewasa Ugama menulis, menyambong pelajaran dan bermacam2 lagi. Maka tiap2 orang jangan-lah melepaskan peluang ini demi untuk kepentingan mereka sendiri, sa-bagaimana di-suroh oleh Ugama dalam mempelajari ilmu pengetahuan.

Dalam masa kita bergembira dan bersukaria kerana menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-samping kita menadah tangan kahadzrat Allah menajat dengan limpah kurnia-nya (Allah) supaya melanjutkan usia Baginda dan menjadikan Negeri Brunei aman tenteram, maju dan makmor. Hendak-nya kita jangan lupa kapada Allah, muga2 do'a kita dan amalan2 kita, kerana mengingati hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia itu di-terima dan di-berkati Allah.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 23 Julai, 1969 hingga ka-hari Selesa 29 Julai, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
23 Julai		12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
24 Julai		12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
25 Julai		12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
26 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
27 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
28 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
29 Julai		12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



Tujuh orang berkursus di-United Kingdom

BANDAR BRUNEI. — **Tujuh** orang anggota Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Sabtu lepas untuk menghadiri kursus bahasa Inggeris sa-lama lima bulan di-British Army School of Education, Walton Park, Beaconsfield, Buckinghamshire.

Mereka ia-lah Warrant Officer, Mohd. Don bin Abdul Latif, Sgt. Yunus bin Haji Tudin, Sgt. Langkan bin Jali, Cpl. Mohammad Azmi bin Abdullah, L/Cpl. Mair Hassan bin Karim, Cpl. Chuchu bin Haji Ibrahim dan Cpl. Awangku Ahmad bin Pengiran Besar.

Kursus tersebut akan bermula pada 24 Julai dan berakhir pada 19 Disember, 1969.

Mereka di-jadualkan pulang ka-tanah ayer pada akhir bulan Disember, 1969.

Suntekan cheghah penyakit ta'un

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah selesai menjalankan gerakan menyuntek bagi mencegah penyakit ta'un di-kampung2 dalam Daerah Brunei-Muara.

Suntekan itu di-jalankan ka-atas mereka yang telah tidak menerima suntakkan bagi mencegah penyakit itu dalam masa enam bulan lalu.

Pegawai Perubatan bagi Kesihatan, Dr. Y.H. Pike berkata, kerja2 menyuntek yang akan datang, akan di-jalankan bagi penduduk2 di-Kampung Ayer.

23 Julai, 1969.

HASRAT YANG LUHUR

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dari Singgahsana telah melapadkan titah harapan yang penting untuk di-fahami dengan sa-dalam2-nya oleh seluruh lapisan rakyat negeri ini termasuk pegawai2 Kerajaan.

Tujuan titah Baginda itu adalah semata2 terbit dari hasrat dan cita2 yang luhur lagi murni demi untuk kepentingan negara, bangsa dan agama agar faktor2 yang menjadi tulang belakang keamanan dan ketenteraman negara tidak akan di-chabuli bahkan tetap kekal menjadi chatetan sejarah dunia bahawa Brunei ini adalah satu2-nya negara yang hidup dalam ketenteraman dan kemakmoran sepanjang masa.

"Maka Kerajaan beta sentiasa menerima segala tegoran dan kritik yang membena yang tidak terkeluar dari garis2 kasar tata-tertib hidup yang di-redhai Allah Subhanahu Wata'ala demi memperbaiki jentera pemerintahan, berusaha mencari rahmat-nya mudahan kita dapat menikmati-nya," titah Baginda.

Untuk menegah dari berlakunya sebarang perpecahan akibat dari anasir2 yang jahat dan khianat, sifat bersembunyi tidak akan dapat mengelakkan-nya dari berlaku. Anasir2 yang sa-umpama itu hanya akan dapat di-tumpaskan dengan sikap yang tegas.


"Amaran yang sa-keras2-nya di-saat yang mulia ini Beta berikan kepada mereka2 yang chuba untuk berbuat kejahatan dan mereka yang engkar daripada mengharumkan dan melambangkan nama baik Brunei Darussalam. Akibat-nya ada-lah burok kepada semua pihak, lebeh2 lagi pihak yang jahat", titah Baginda. Bagi melichinkan jentera pemerintahan dan kesempurnaan perjalanan pentadbiran, maka ada-lah amat penting sekali sa-tiap pegawai2 dan kaki tangan Kerajaan mengamalkan fahaman dan semangat perkhidmatan yang jujur, amanah dan ikhlas.

Duli Yang Maha Mulia bertitah: "Kerajaan beta bukan sahaja memerlukan pegawai2 yang benar2 mempunyai kelayakan dan kebolehan yang ciekap, tetapi juga memeningkan pegawai2 yang tahu menghormati chara2 hidup yang beradab yang telah di-turun temurunkan di-negeri ini. Kerajaan Beta sama sekali tidak mempunyai sebarang keraguan untuk menyinkirkan jika terdapat pegawai2 yang tidak sesuai dan lebeh2 lagi jika di-fikirkan akan membahayakan negeri ini."

Cita2 Baginda untuk mengujudkan yang Negara Brunei Darussalam ini benar2 di-liputi oleh suasana kemakmoran, ketenteraman dan perpaduan yang kukuh ada-lah memerlukan dukongan2 yang sungoh2 dari semua golongan rakyat dengan menchurahkan khidmat2 yang berkompas-kapada kesetiaan, amanah jujur dan ikhlas.



Temburong telah meraikan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun pada hari Isnin, 21 Julai lepas. Gambar atas kelihatan Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Ketua Suruhanjaya Tinggi British, Y.A.B. Menteri Besar dan Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir ketika menyaksikan upacara perbarisan berjalan lalu.



Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang menyampaikan piala kejohanan peraduan berchuchul kenaiikan di-ayer di-Sungai Tutong yang di-menangi oleh Haji Awang Md. Yassin bin Abdullah dari Kampung Lubok Pulan.

Ini-lah sa-bahagian dari para hadirin yang terdiri dari pegawai2 Kerajaan, ketua2 kaum di n orang2 kenamaan di-Daerah Tutong yang hadir di-upacara pembukaan rasmi perayaan sambutan Hari Keputeraan Baginda di-daerah tersebut yang di-takukan oleh Y.A.B. Menteri Besar Brunei

SUASANA RIANG DI-SANA SINI



D.Y.M.M. ketika memeriksa perbarisan yang terdiri dari pengkap2 dalam upacara perbarisan kerana memperingati hari keputeraan Baginda yang di-adakan di-Daerah Tutong.

Upacara perbarisan kehormatan berjalan lalu di-Daerah Tutong. Kelihatan dalam gambar ini Duli Yang Maha Mulia sedang membalas tabek kehormatan.

Tiap2 tahun ketika di-adakan perayaan hari keputeraan Baginda tidak ketinggalan di-adakan temasha lumba perahu dan moto-sangkut. Gambar bawah ketika temasha itu di-adakan di-Sungai Temburong.




Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan di-iringkan oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Yunus bin Husain ketika berangkat ka-pentas khas bagi menyaksikan upacara perbarisan.




Ketua pasukan tarek kalat Duli Yang Maha Mulia, Pengiran Haji Buntar sedang menerima perisai kejohanan dari Baginda apabila pasukan tersebut berjaya mengalahkan pasukan Daerah Temburong.



Peraduan Lukisan telah juga di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Baginda di-Daerah Brunei dan Muara. Gambar kiri kelihatan orang ramai termasuk pelawat2 dari luar negeri sedang menyaksikan pameran peraduan itu.



Kerana menyerikan lagi sambutan hari keputeraan Baginda di-Daerah Temburong, maka pasukan Gimnastik Askar Melayu Di-Raja Brunei menyumbangkan permainan-nya dengan berbagai2 acara pertunjukkan permainan tersebut. Dua buah gambar yang di-siarkan di-halaman ini menunjukkan bagaimana kecekapan ahli2 pasukan itu menunjukkan permainan yang menakjub dan menchemaskan.



SATU pertunjukkan Taekwon-Do yang di-anjorkan oleh Persatuan Taekwon-Do Brunei telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada malam Sabtu lepas, sa-waktu jamnua untuk perkhidmatan2 yang beruniform di-adakan.

Gambar menunjukkan sa-orang jurulatih Taekwon-Do yang di-undang khas dari Hong Kong oleh persatuan tersebut, Awang Kim Bok Mun sedang menunjukkan kehandalan-nya dengan menendang dan memecahkan sa-keping papan yang di-pegang sa-tinggi enam kaki. Ini ada-lah salah satu permainan yang di-tunjukkan pada malam tersebut.

Duli Yang Maha Mulia telah menerima tauliah kehormatan dari Persekutuan Taekwon-Do Antar Bangsa Korea dengan Tali Pinggang Hitam Peringkat ke-empat dan telah di-sampaikan oleh Awang Kang Yon Ho.

Baginda juga telah menerima lambang Persatuan Taekwon-Do Brunei sa-bagai kenang2an yang di-sampaikan oleh Awang Jalil bin Dato Marsal.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentan Ismail di-Raja Dalam Istana. Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid juga telah menerima tauliah kehormatan dari Persatuan Taekwon-Do Brunei dengan Tali Pinggang Hitam Peringkat Ke-



JOHAN SILAT DAN KUNTAU



Keputusan Peraduan Lukisan

BANDAR BRUNEI. — Berikut ini ialah keputusan2 peraduan lukisan dan sculpture yang telah di-anjorkan oleh jawatankuasa perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bersempena menyambut hari keputeraan Baginda yang ke-23.

Lukisan2 dan sculpture2 itu telah di-pamerkan di-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka selama lima hari.

BAHAGIAN DEWASA:

Modern Art: 1. Haron bin Md. Dom, 2. Haron bin Md. Dom, 3. Pang Mail Yan. **Orang (Portrait):** 1. Oslu bin Umar, 2. Oslu Umar, 3. Tan Swee Wah. **Benda-benda (Still Life):** 1. Abd. Rahman Shamsuddin, 2. Tan Swee Wah, 3. Ak. Jasni bin Pg. Apong. **Pattern (Design):** 1. Muhammad bin Md. Salleh, 2. Lim Eng Tu, 3. Lim Bee Lan. **Sculpture:** 1. Abd. Rahim Ahmad, 2. Apong, Kg. Saba, Brunei, 3. Apong. **Pemandangan:** 1. Haron bin Md. Dom, 2. Busu bin Ahmad, 3. Ak. Damit bin Pg. Ahmad. **Poster:** 1. Ak. Damit, 2. Koh Boon Tuan, 2. Abd. Ghani bin Abu Bakar.

BAHAGIAN MENENGAH ATAS DAN MAKTAB2

Modern Art: Ismail bin Bolhassan, 2. A. Zaini bin Tuah, 3. Wasli bin Haji Md. Yusof. **Orang (Portrait):** 1. Sharbini bin Zain, 2. Ismail bin Bolhassan, 3. Ahmad bin Simo. **Benda-benda (Still Life):** 1. Ismail Bolhassan, Zaidi bin Guriaman, 3. A. Zaini bin Tuah. **Pattern atau Design:** 1. Ismail bin Bolhassan, 2. Abd. Rahman bin Arsad, 3. Ramlee bin Ahmad. **Sculpture:** 1. Zaini bin Hassan, 2. Abu Bakar bin Abd. Rahman, 3. Abd. Karim bin Ahmad. **Pemandangan:** 1. Hassan bin Tahir, 2. Ismail bin Metali, 3. Hassan bin Tahir. **Poster:** 1. Abu Bakar Abd. Rahman, 2. Hussein bin Razak, 3. Abu Bakar bin Abd. Rahman.

BAHAGIAN MENENGAH BAWAH

Modern Art: 1. Lim Bee Lan, 2. Loke Wee Chin, 3. Zaini bin Salleh. **Orang (Portrait):** 1. Ali Emran, 2. Hussein Daud, 3. Manaf Abdullah. **Benda-benda (Still Life):** 1. Zaidi Guriman, 2. Zaini Jais, 3. Mohammad bin Ka-

rim. **Pattern atau Design:** 1. Hung Kwang Seng, 2. Sie Tu Pech Choo, 3. Lion Ann Li. **Sculpture:** 1. Jaya Zaini, 2. Che We Teh, 3. Nora A. Hamid. **Pemandangan:** 1. Che Wei Teh, 2. Nora A. Hamid, 3. Jukin bin Jaafar. **Poster:** 1. Ahmad Besar, 2. Kilali Yusof, 3. Ibrahim Bakar.

BAHAGIAN SEKOLAH2 RENDAH

Benda-benda (Still Life): 1. Ali Rahman bin Jali, 2. Loo Kan Tee, 3. Ivan Fang. **Pattern atau Design:** 1. No. 17, 2. Chan Yong Fun, 3. Normah bte. Ibrahim. **Pemandangan:** 1. Ali Rahman bin Jali, 2. Ang Kim Kim, 3. Chou Chan Poh. **Poster:** 1. Ali-rahman bin Jali, 2. Liew Mei Mui, 3. Alirahman bin Jali.

BANDAR BRUNEI. — Peraduan akhir Silat dan Kuntau bagi memilih kejohanan sambilan telah di-langsungkan di-pekerangan Istana Darul Hana pada 15 Julai lepas.

Peraduan tersebut ada-lah sebahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 bagi Daerah Brunei-Muara.

Dalam peraduan silat, Awang Abdul Latif bin Mohd. Yassin — wakil dari Daerah Brunei-Muara telah munchol sa-bagai johan sementara Awang Idris bin Metussin juga

wakil dari Daerah Brunei-Muara telah menyandang johan dalam peraduan kuntau.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Pengetua Surohanjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E.W. Bird.

Gambar atas kiri menunjokkan Awang Abdul Latif bin Md. Yassin johan silat bagi tahun ini dengan perisai kemenangan - nya. Sementara gambar atas, Ketua Surohanjaya Tinggi British, Awang E.W. Bird sedang menyampaikan perisai rebutan kepada Awang Idris bin Metussin johan dalam peraduan kuntau.

KEPUTUSAN SAYEMBARA CHERPEN

BANDAR BRUNEI. — Sebanyak 53 buah cherpen telah selesai di-adili dalam satu peraduan cherpen yang di-anjorkan oleh Perkhidmatan Melayu Radio Brunei.

Keputusan para hakim yang mengadili peraduan itu telah menunjokkan bahawa tidak ada sa-orang pun yang berjaya memenangi hadiah pertama kechuali mendapat hadiah penghargaan.

Hadiah penghargaan itu telah di-menangi oleh cherpen yang berjudul "MARUAH" hasil karya Awang Md Salleh bin Abdul Latif dari Jabatan Immigresen, Kuala Belait.

Menurut Setia Usaha Peraduan, Awang Muhammad Ali bahawa cherpen "MARUAH" itu di-berikan hadiah penghargaan ia-lah di-sebabkan markah yang di-dapatinya tidak menchapai kapada markah maksimam yang di-kehendaki untuk mendapat taraf hadiah pertama.

Hadiah penghargaan untuk cherpen "MARUAH" itu ia-lah wang sa-banyak \$50.00.

Hadiah kedua sa-banyak

\$45.00 di-menangi oleh cherpen yang berjudul "Bayangan Cherah" hasil karya Awang Annuar Haji Abd. Rahman dari Maktab Perguruan Brunei, dan hadiah ketiga sa-banyak \$30.00 di-menangi oleh Cherpen yang berjudul "Harapan Yang Tumpas" karya Awang Abdul Ghafar bin Jumat dari Sekolah Melayu Bukit Udal, Tutong.

Sa-banyak 16 buah cherpen lagi telah di-pileh untuk mengisikan ruangan Cherita Pindek Mingguan yang di-siarkan melalui Radio Brunei.

Para hakim terdiri dari Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Awang Mahmud Haji Bakyr dan Awang Sabtu Muhammad.

16 buah cherpen pilehan itu ia-lah saperti berikut:

Rahsia Isteri, karya Maznah Hussein; Jual Tanah, karya Ramli Hamid; Kerbau Siam, karya Mohammad Shari A. Hussin; Hidup karya Ahmad bin Munchong; Benarkah Tohan Sayang Pada-nya, karya Masni Mohamad; Ibu Belum Mengerti, karya Muhammad

Awang Jambul; Menanti Hari Esok, karya Majid Abdul Hamid; Anak Tiri, karya Ghani Abdul Bakar; Che'gu Hazman, karya M. Hussein Abu Bakar.

Menyesal, karya Saerah M. Taha; Jiran Sa-kampungku, karya Md. Salleh bin Lakim; Anak Rempang Pulang Kapangkal, karya Mohd. Hashim Haji Abd. Rahman; Dua Puteri, karya Ibrahim Haji Muhammad; Mendong Kembara Harapan Tumpas, karya Mahmud Pengarah Di-Gadong Haji Bakar; Pemimpin, karya Rafeah Abu Bakar; dan Senja Di-titipan Pail, karya Mashor A. Bakar.

Penyampaian Hadiah akan berlangsung pada 29 Ogos, 1969 di-Dewan Raya Radio Brunei ketika pertandingan Bintang Radio perengkat daerah di-jalankan.

Penyiaran cherpen yang memenangi hadiah akan diterbitkan melalui Majalah Suara Brunei dan melalui udara dalam ruangan Cherita Pindek mulai awal bulan Ogos akan datang ini.



PERSEMBAHAN ORANG2 CEYLON

Gambar sebelah kiri menunjukkan chenderamata yang di-persembahkan oleh Persatuan Orang2 Ceylon di-Brunei kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bersempena hari keputeraan Baginda yang ke-23.

Chenderamata itu ada-lah mengandungi sa-buah talam dan sa-buah chepu yang terletak di atas dua ekor gajah yang berwarna hitam. Chepu itu ia-lah tempat mengisi lembaran atau naskhah yang bergulung. Talam dan chepu itu di-perbuat daripada perak yang sangat halus pertukangan-nya. Talam itu lebar-nya 20 inchi dan chepu panjang-nya 12 inchi.



Kereta berhias yang merupakan bentuk bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama yang memenangi tempat pertama dalam perarakan kereta berhias siang dan malam.

Bangunan STPRI di-perbesar

BANDAR BRUNEI. — Kira2 50 peratus dari kerja2 memasang pail bagi bangunan tambahan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei telah selesai.

Bangunan tambahan itu di-anggarkan menelan belanja lebih dari \$1.35 juta.

Bangunan tambahan itu akan mempunyai 12 buah bilek darjah, dua buah makmal sains, sa-buah perpustakaan dan bilek seni lukis dan pertukangan tangan.

Komplek tersebut juga termasuk sa-buah blok asrama yang boleh menampung sa-ramai 104 orang murid dan rumah tempat tinggal dua orang warder.

Bilek makan yang ada sekarang akan di-perbesarkan lagi untuk menampung bilangan murid2 yang semakin bertambah itu.

Sa-buah auditorium dan gymnasium yang lengkap dengan pentas bilek untuk berhias dan ruangan untuk gelanggang bola tampar dan badminton.

Rumah baru bagi pengetua sekolah tersebut juga akan di-bina dalam kawasan itu.

Bola sepak Persatuan Lamunin

LAMUNIN. — Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammed Zain bin Haji Serudin pada hari Juma'at lepas telah merasmikan perlawanan bola sepak anjoran Persatuan Pemuda Pemudi Lamunin, sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sebagai acara tahunan persatuan itu.

Sejumlah lapan pasukan dari

persatuan2 belia dan sekolah2 di-Daerah Tutong mengambil bahagian dalam perlawanan system kalah mati itu.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menghadiahkan sa-buah Piala Rebutan bagi perlawanan itu.

Persatuan Pemuda Pemudi Lamunin telah menang perlawanan itu pada tahun lalu.

Keputusan2 perarakan

(Dari Muka 2)

HADIAH2 SAGU HATI: Jaafar bin Othman, Apeng bin Laman, Kampong Sungai Matan dan Persatuan Ikatan Lurong Sekuna. **BASIKAL BERHIAS (MALAM):** 1. Mustapha bin Haji Mohammad; 2. Ak. Rosley bin Pg. Metussin; 3. Awang Apeng bin Laman. **HADIAH2 SAGU HATI: IKLAS,** Kampong Sungai Matan, AKSE, dan Awang Jaafar bin Othman.

KERETA BERHIAS (SIANG): 1. Pejabat Hal Ehwal Ugama; 2. Jabatan Kerja Raya; 3. Pejabat Perubatan. **HADIAH2 SAGU HATI:** Pejabat Talikom, Persatuan Tiong Hwa, Brunei Pejabat Ukor, Kg. Sungai Urok Salam Bigger dan Pergerakan Belia Bersatu.

KERETA BERHIAS (MALAM): 1. Pejabat Hal Ehwal Ugama; 2. Jabatan Kerja Raya; 3. Pejabat Perubatan. **HADIAH2 SAGU HATI:** Pejabat Ukor Persatuan Tiong Hwa, Pejabat Talikom dan Kg. Sungai Urok Salam Bigger.

PERARAKAN TANGLONG BERJALAN KAKI

BAHAGIAN SEKOLAH2 RENDAH: 1. SMJA Puser Ulak Lelaki; 2. SMJA Puser Ulak Perempuan; 3. S.M. Lela Menchanai. **HADIAH2 SAGU HATI:** Sekolah Rendah Chung Hwa, S.M. Raja Isteri Fatimah dan S.M. Pintu Malim.

BAHAGIAN SEKOLAH2 MENENGAH DAN MAKTAB2: 1. Maktab SOAS Hostel; 2. SMMP Padang; 3. SMMP Pusat Perempuan. **HADIAH2 SAGU HATI:** Maktab Perguruan, SMMP Pusat Lelaki dan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah.

BAHAGIAN JABATAN2 KE-RAJAAN: 1. Pejabat Penerimaan Awam; 2. Pejabat Bomba; 3. Pejabat Perubatan.

BAHAGIAN KAMPONG2: 1. Kampong Sungai Kedayan 'B'; 2. Kampong Tamoi Tengah; 3. Tamoi Ujong. **HADIAH2 SAGU HATI:** Kampong Orang Kaya Besar Imas, Kampong Pintu Malim dan Kampong Pekan Lama.

BAHAGIAN PERSATUAN2 BELIA: 1. KEMUKA; 2. INSAP; 3. AKSE. **HADIAH2 SAGU HATI:** IKRAB, Persatuan Pemuda Kiarong dan Pergerakan Belia Bersatu.



BARISAN KEHORMATAN DI-DAERAH TUTONG

PEKAN TUTONG. — Satu upacara perbarisan telah diadakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Sabtu lepas untuk memperingati Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun.

Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei yang di-ketuai oleh Kapitan Mohamad Yusof Said telah mendahului perbarisan itu, diikuti oleh Pasokan Bomba, Pengakap dan Pandu2 Puteri. Murid2 dari 13 buah sekolah di-daerah Tutong telah juga mengambil bahagian dalam perbarisan itu.

Pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menyumbangkan permainan-nya di-sepanjang Istiadat Perbarisan itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat tiba di-upacara perbarisan itu pada pukul 3.30 petang di-mana Baginda telah menerima tabek Di-Raja dan memeriksa Perbarisan Kehormatan.

Istiadat petang itu telah berpindah ka-pentas yang di-bena khas di-Padang Kechil Bukit Bendera Tutong di-mana Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menerima ucapan keshukoran dan tahniah dari Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh bagi pehak pegawai2, kakitangan kerajaan serta penduduk2 di-daerah Tutong.

Majlis istiadat itu juga telah di-serikan dengan persembahan tarian2, permainan gambus dan hadzrah oleh murid2 sekolah, persatuan2 dan orang2 kampung.

Di-antara yang hadir di-majlis istiadat itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Menteri Besar Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Ketua Surohanjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E.W. Bird, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Cheteria2 dan jempu-an2 khas.

Seruan Menteri Besar: Berikan kerjasama kapada Kerajaan

(DARI MUKA 1)

Terdahulu dari itu, Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh dalam ucapan-nya telah menyatakan ikrar pegawai2 kerajaan dan penduduk di-daerah itu untuk menyumbangkan kerjasama yang bersungguh2 demi untuk melichinkan usaha2 Kerajaan dalam berbagai2 bidang dengan semangat taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau juga mengucapkan



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof ketika berucap sa-belum merasmikan pembukaan perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Tutong pada hari Sabtu lepas.



D.Y.M.M. ketika berchemarduli menyaksikan lumba perahu di-sungai Brunei pada hari Ahad lepas. Di-sebelah kiri kelihatan D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan dan di-sebelah kanan ia-lah Pemangku Pengarah Laut, Awang I.G. Faraker.

D. Y. M. M. menyaksikan lumba perahu dan moto sangkut

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berchemar-

duli ka-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada hari Ahad lepas untuk menyaksikan perlumbaan perahu dan moto sangkut yang telah di-adakan di-Sungai Brunei.

Perlumbaan itu ada-lah sabahagian dari acara sambutan hari keputeraan Baginda yang ke-23 bagi Daerah Brunei/Muara.

Sa-banyak 15 jenis perlumbaan — 8 lumba perahu dan 7 lumba moto sangkut telah di-pertandingkan pada hari itu.

Antara yang turut hadir menyaksikan perlumbaan termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan pegawai2 kanan kerajaan.

Perlumbaan yang sama juga telah di-adakan di-Daerah Tutong pada hari itu.

D.Y.M.M. berchemarduli ka-Daerah Temburong

(Dari Muka 1)

Selesai upacara itu, "daulat tuanku" telah berkumandang yang di-dahului dengan tembakan meriam sa-banyak 21 das dari pasokan meriam Pulis Di-Raja Brunei.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir dalam istiadat itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Ketua Surohanjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E.W. Bird, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong, Yang Amat Mulia Cheteria2, pegawai2 Kerajaan, ahli2 majlis2 Mashuarat dan pemimpin2 kaum.

Pegawai Daerah, Awang Johari

bin Abdul Razak selaku pengerusi tertinggi sambutan dan selaku wakil pegawai2 Kerajaan serta penduduk di-daerah itu telah menyebarkan ucapan keshukoran dan ikrar taat setia terhadap Baginda dan Kerajaan Baginda.

Awang Johari juga telah menyebarkan ucapan mengenai dengan kemajuan2 yang di-laksanakan di-daerah itu sama ada yang telah di-nikmati oleh penduduk2 di-daerah itu atau pun yang akan di-nikmati kemudian.

Beliau telah menyebarkan keshukoran raayat kerana di-beri peluang yang sama oleh Kerajaan Baginda pada menikmati kemajuan2 dan taraf hidup yang satingkat dengan yang di-nikmati oleh daerah2 lain di-negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia kemudian telah menyampaikan titah ucapan yang di-tujukan khas kepada penduduk2 di-daerah itu.

(Titah ucapan Baginda itu di-siarkan sa-penoh-nya di-muka 4 keluaran hari ini).

Dalam perayaan di-daerah itu, Duli Yang Maha Mulia dan rombongan juga telah menyaksikan perlumbaan "tarik kalat" antara pasokan Baginda dari Bandar Brunei dengan pasokan Daerah Temburong yang di-menangi oleh pasokan Baginda yang berjaya menyangkan gelaran johan. Duli Yang Maha Mulia juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 tersebut.

Sa-lepas itu, Baginda juga telah menyaksikan pertunjukan Jimnastik oleh pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Padang Perbarisan itu.

Pada sa-belah petang-nya, Baginda dan rombongan juga telah menyaksikan temasha lumba perahu dan moto-sangkut yang berlangsung di-Sungai Temburong.